

Pengurusan Kewangan: Meningkatkan Kecekapan, Kompetensi dan Kemahiran Pegawai

Adakah pegawai sudah mengetahui Pengurusan Kewangan yang cemerlang?
Adakah pegawai didedahkan dengan inovasi baru dalam pengurusan Kewangan?
Apakah risiko-risiko yang perlu diketahui dalam pengurusan kewangan?

Pengenalan

Pengurusan kewangan merupakan proses di mana sesebuah organisasi perlu mematuhi tatacara dan peraturan yang ditetapkan untuk memperoleh dan menggunakan sumber berdasarkan objektif yang ditetapkan. Pengurusan kewangan berteraskan 2 prinsip utama iaitu dari segi legaliti dan akauntabiliti. Dari sudut legaliti pengurusan kewangan hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan kewangan, Akta Acara kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat pekeliling Perbendaharaan. Manakala obligasi atau tanggungjawab pegawai yang diberi kuasa untuk mengurus sumber awam dan melaporkan pencapaian kepada pegawai yang memberikan kuasa. Setiap anggota perkhidmatan awam bertanggungjawab untuk menentukan pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan, diurus dengan cekap dan sejajar dengan nilai wang yang dibelanjakan (*value for money*).

Objektif Program

Program ini bertujuan untuk

- Membantu mengurus risiko
- Bagaimana menggunakan sumber dengan cekap mengikut prinsip Kecekapan dan memberi nilai wang (*value for money*)
- Memperkukuhkan akauntabiliti

Hasil Pembelajaran

Selepas menghadiri kursus ini para peserta sudah boleh atau berpengetahuan tentang:

- pengurusan kewangan secara komprehensif dengan tepat dan betul
- mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang sering dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.

Siapa Yang Patut Hadir?

Pegawai gred 41-44, pegawai gred 48-52 dan pegawai gred 54 dan ke atas. Pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam proses perolehan di peringkat penolong pegawai perolehan hingga pengurusan pertengahan.

Metodologi

Kajian kes, perbincangan forum, main peranan, pembentangan, gamifikasi

Kerangka Latihan

Masa	Hari Pertama
9.00am - 10.30am	Pengurusan Kewangan Cemerlang Peserta akan didedahkan dengan konsep Pengurusan Kewangan modul-modul berikut, model pengurusan kewangan yang cemerlang dan konsep asas pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti.
10.30am – 11.00am	Rehat dan Perangkaian
11.00am – 1.00pm	Pengurusan Kewangan Cemerlang Dalam modul ini, peserta akan didedahkan dengan konsep Elemen-elemen dalam Pengurusan Kewangan dan audit Pengurusan Kewangan 1
1.00pm – 2.00pm	Makan Tengah Hari dan Perangkaian
2.00pm -3.30-pm	Kawalan Dalaman Mendedahkan kepada elemen-elemen kawalan dalaman yang kukuh terhadap elemen-elemen pengurusan kewangan.
3.30pm – 4.00pm	Rehat dan Rangkaian
4.00pm – 5.00pm	Elemen Pengurusan Organisasi Peserta akan didedahkan dan diberi latihan berkaitan, kriteria/peraturan berkaitan, kenal pasti risiko, keadaan kelemahan/pelanggaran, sebab dan akibat dan contoh kes pelanggaran

Masa	Hari Kedua
9.00am -10.30am	Pengurusan Hasil Mendedahkan tatacara kutipan hasil sesebuah agensi dengan menekankan aspek-aspek pengurusan penerimaan dari segi kriteria/peraturan, mengenal pasti risiko, keadaan pelanggaran/kelemahan, sebab dan akibat dan contoh kes
10.30am – 11.00am	Rehat dan Rangkaian
11.00am – 1.00pm	Pengurusan Pembayaran Mendedahkan tatacara kutipan hasil sesebuah agensi dengan menekankan aspek-aspek pengurusan pembayaran dari segi kriteria/peraturan, mengenal pasti risiko, keadaan-pelanggaran/kelemahan, sebab dan akibat dan contoh kes
1.00pm -2.00pm	Makan Tengah Hari dan Rangkaian
2.00pm -3.30pm	Pengurusan Amanah, Pinjaman dan Pelaburan Mendedahkan kepada peserta mengenai kawalan pengurusan dan risiko akaun amanah, pinjaman dan pelaburan yang dilakukan oleh agensi.
3.30pm – 4.00pm	Rehat dan Rangkaian
4.00pm – 5.00pm	Pengurusan Aset Mendedahkan tatacara kutipan hasil sesebuah agensi dengan menekankan aspek-aspek pengurusan aset dari segi kriteria/peraturan, mengenal pasti risiko, keadaan pelanggaran/kelemahan, sebab dan akibat dan contoh kes